

Sahut seruan PM kembali kepada ajaran Islam

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun — Umat Islam di negara ini digesa menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahatir Mohamad agar mereka kembali semula kepada ajaran Islam yang asas atau *fundamental*.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Ghman berkata, langkah itu perlu dilakukan kerana pemikiran umat Islam telah ditanam dengan idea penjajah yang bertujuan untuk membantutkan perkembangan mereka.

“Apabila negara Islam di Qordoba (Sepanyol) dijatuhkan, penjajah faham bahawa Islam boleh digunakan untuk membantutkan perkembangan umat Islam walaupun kemerdekaan diberikan kepada mereka,” katanya ketika menghadiri perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Menurutnya, penjajah meninggalkan masalah yang boleh menyekat perkembangan negara Islam seperti perbalahan kaum dan pemikiran-pemikiran yang boleh menjejaskan umat Islam.

Malah katanya, penjajah juga memberikan kefahaman Islam yang berbeza daripada ajaran Islam sebenar dengan memberi penekanan terhadap Islam akidah.

Dr. Abdul Hamid berkata, pengajaran yang diberikan kepada umat Islam ialah perkara ritual iaitu komponen pertama dalam Islam atau dipanggil Islam akidah.

“Ini diperkuatkan dan ditambah lagi dengan ajaran Suni supaya perkara akidah itu dibalutkan dengan kuat lagi supaya umat Islam tidak boleh bergerak lagi,” katanya.

Menyedari hakikat itu katanya, Presiden telah menyeru orang Melayu agar memahami Islam dan meneruskan Islam yang dipanggil *fundamental* berbanding Islam *moderate* (sederhana) seperti dipanggil sebelum ini.

Katanya, penjajah telah menanam perkataan *moderate* pada pemikiran umat Islam hingga hilang pedoman bahawa yang moden itu ialah orang yang sanggup meninggalkan nilai-nilainya dan hanyut dengan nilai yang dibawa oleh mereka.

Sehubungan itu, katanya, umat Islam perlu kembali semula kepada Islam khadiri atau Islam tamadun yang telah lama diperjuangkan oleh UMNO.

Beliau berkata, kerajaan UMNO telah melaksanakan pelbagai pendekatan berasaskan Islam dalam membangunkan umat Islam iaitu melalui pendidikan, mewujudkan pekerjaan dengan mengubah sektor pertanian kepada perindustrian.

Menurut beliau, parti pembangkang pula yang gagal menjatuhkan kerajaan telah menggunakan strategi iaitu menolak pembangunan UMNO dengan alasan ia sekular.

Perkara itu katanya, berjaya menarik perhatian umat Islam dan jika dibiarkan ia boleh membahayakan UMNO.